



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : JUN /

11 / 2024

M/S : 2



Anwar berucap pada Majlis Perjumpaan bersama warga Jabatan Perdana Menteri bagi Jun di Putrajaya, semalam.
(Foto Saifululizan Tamadi/BH)

Tak naik pangkat ketua jabatan biar rasuah, salah laku

Anwar mahu ketetapan dibuat 'hukuman' tak lapor kecurangan orang bawahan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Tiada kenaikan pangkat bagi ketua jabatan jika wujud salah laku dan amalan rasuah penjawat awam di bawahnya sehingga tidak dilaporkan, demikian tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Berucap pada Majlis Perjumpaan bersama warga Jabatan Perdana Menteri bagi Jun di sini, semalam, beliau berkata, agak mustahil bagi ketua jabatan atau ketua unit 'tidak tahu' atau menutup mata mengenai wujudnya kecurangan dalam pentadbiran masing-masing.

"Kalau nampak terang salah laku, kenapa ketua jabatan tidak lapor, kenapa ketua unit tidak tahu, saya kadang-kadang fikir kerana amalan ini sudah berlaku bertahun-tahun, mustahil tidak tahu.

"Maka saya akan syorkan kepada KSN (Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali) mesyuarat dalam masa terdekat ini, dalam keputusan kita mengenai penyelarasan gaji, kita tetapkan seorang ketua jabatan atau ketua unit tidak akan diberikan kenaikan pangkat, sekiranya diketahui di bawahnya itu sistemnya bobrok dan tidak

dilaporkan," katanya.

Yang turut hadir, kedua-dua Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kaedah hukuman itu bagaimanapun akan ditentukan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KP-PA).

"Mengapa dalam jabatan umpamanya, ada ketua jabatan, KSU (Ketua Setiausaha), Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Pengarah, tak mungkin dari atas sampai ke bawah tak tahu.

"Maka saya akan syorkan kepada KSN, mesyuarat dalam terdekat ini, dalam keputusan kita mengenai penyelarasan gaji, kita tetapkan seorang ketua jabatan atau unit tidak akan diberikan kenaikan pangkat, sekiranya diketahui di bawahnya itu (ada kecurangan) dan tidak dilaporkan, tidak diizinkan terus," katanya.

Anwar menegaskan, beliau mahu satu ketetapan dibuat pada minggu depan dengan semua ketua jabatan atau unit melaporkan sebarang kecurangan atau salah laku berkenaan.

Tekad henti amalan rasuah

Walaupun sudah ada perubahan, Perdana Menteri berkata, beliau tidak jemu mengulangi mengenai isu kecurangan kerana masih berlaku di sesetengah peringkat.

"Dalam penjawat awam, kerangkanya mesti jalankan tugas dengan baik, hentikan kecurangan, amanah saya tidak jemu mengulang, walaupun ada perubahannya, kerana mana mung-

kin orang beribadah, bicara mengenai islam, tetapi masih mempertahankan amalan kecurian.

"Saya selalu bandingkan, kalau anak cucu kita curi pensel kawan kita marah tetapi kalau curi berjuta, kita biarkan, saya tolakan ini kerana masih berlaku di sesetengah peringkat," katanya.

Beliau berkata, kini tanggungjawab menangani salah laku dan kecurangan bukan lagi terletak di bahu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sahaja, sebaliknya kepada ketua jabatan dan unit.

"Saya fikir badan penguat kuasa hampir maksimum usaha mereka, saya maklumkan kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM, saya akan tingkatan peruntukan tambahan, pegawai dan peguam negara dimaklumkan ambil tindakan tidak peduli siapa sebaik ada bukti supaya dalam tempoh terdekat kita dapat kawal dengan berkesan," katanya.

Justeru, beliau mengingatkan semua penjawat awam supaya menggalas tanggungjawab untuk menentang kecurangan dan salah laku.

"Jadi, saya harap saudara-saudara, kalau tidak saudara boleh pilih tidak mahu jadi ketua jabatan kerana tanggungjawabnya lebih, maklumkan kepada KP-PA, kata saya hanya mahu bekerja sebagai pegawai biasa, tidak mahu jadi ketua unit atau jabatan.

"Kamu maki berbakul-bakul pun, kerja mesti dijalankan, jadi saya nak gesa kerana amaran sudah lama diberikan, maka tanggungjawab itu sudah turun dari atas sampai ke peringkat bawah," katanya.